

## Liputan Kandungan dan Penerbitan Berita Sukan dalam Akhbar Harian di Malaysia (Coverage and Publication of Sports News in Malaysian Daily Newspaper)

PEKAN RAMLI\*, TAJUL ARIFFIN MUHAMMAD & NORLENA SALAMUDDIN

### ABSTRAK

*Walaupun berita sukan pada hari ini sudah menjadi ciri utama dalam akhbar harian, kandungan dan penerbitan berita sukan tersebut mungkin didasari oleh agenda tertentu. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penetapan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan, dan bagaimana editor sukan membuat penetapan tersebut dalam konteks akhbar harian di Malaysia. Kajian ini adalah kajian kes di mana proses kutipan data dibuat melalui analisis kandungan halaman sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian dan temubual bersama dua orang editor sukan di akhbar tersebut. Data dari halaman sukan telah dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan secara kuantitatif dan data dari temubual telah dianalisis secara kualitatif. Dapatan menunjukkan bahawa akhbar harian tempatan mempunyai liputan berita sukan dalam negara yang lebih tinggi berbanding sukan luar negara, liputan berita sukan Kosmo lebih banyak disokong dengan gambar berbanding Berita Harian, liputan kandungan dan penerbitan berita sukan wanita dalam kedua-dua akhbar adalah sangat rendah berbanding sukan lelaki, dan editor sukan Kosmo lebih bebas dalam membuat penetapan liputan dan penerbitan berita sukan berbanding editor sukan Berita Harian yang lebih terikat dengan kepentingan perniagaan. Kajian ini menunjukkan bahawa liputan kandungan dan penerbitan berita sukan dalam akhbar harian di Malaysia dipengaruhi oleh kepentingan perniagaan serta amalan editor sukan di akhbar tersebut. Justeru, ahli masyarakat perlu dilengkapi dengan kemahiran berfikir secara kritis bagi membolehkan mereka menilai dan mengguna maklumat dari pelbagai sumber maklumat secara berpengetahuan dan matang.*

*Kata kunci: Berita sukan, liputan kandungan; akhbar harian, editor sukan, kajian kes, Malaysia*

### ABSTRACT

*Although sport news has been regarded as an important feature in daily newspapers, the content coverage and publication of the sport news might be based on a hidden agenda. This study examined content coverage and publication of sports news in Malaysian daily newspaper, and the power of sport editors in determining the scope and publication of the sport news. This study employed case study research design in which data was collected using content analysis of sport news' pages in Kosmo and Berita Harian newspapers and interviews with two sports editors of the newspapers. Data from the newspapers' sport pages was analyzed using quantitative content analysis while data from the interviews was analyzed using qualitative data analysis. The study found that both Kosmo and Berita Harian newspapers provide a greater coverage for local sports news compared to international sport news, Kosmo employed more pictures in their sport news in comparison to Berita Harian, both newspapers have a lower content coverage of female sport news in relation to male sport news, and sport editors in Kosmo have more freedom to determine the content coverage and publication of sport news, in comparison to sport editors in Berita Harian who are more bounded by business interest. This study showed that content coverage and publication of sports news in Malaysia daily newspapers are influenced by business decision as well as personal practices of sports editors in the daily newspapers. Hence, there is a need to equip members of society with critical thinking skills to enable them to evaluate and use information from various sources in informed and matured ways.*

*Keywords: Sport news, content coverage, daily newspaper, sport editor, case study, Malaysia*

## PENGENALAN

Sukan dan media memang tidak dapat dipisahkan. Hubungan ini merupakan satu hubungan yang simbiotik yang berkonsepkan kepada keadaan yang saling memerlukan antara satu sama lain, saling berkepentingan, dan saling memahami antara satu sama lain. Sokongan media akan membawa pelbagai faedah hingga membolehkan sukan itu dikomersilkan hingga menjadi satu industri yang besar dan menguntungkan. Ramai pihak yang akan memperoleh faedah daripada hubungan simbiotik ini, termasuk penganjur, persatuan sukan, ahli sukan, pegawai-pegawai yang terbabit, penonton, penaja dan hinggalah kepada penjaja di lokasi terbabit. Selain itu media tradisional khususnya media cetak mendapat faedah daripada jualan pengiklanan dan juga sirkulasi akhbar mereka melalui liputan dan penerbitan berita sukan dalam media penerbitan. Penerbitan berita sukan turut membantu menarik kehadiran penonton ke arena sukan itu berlangsung yang boleh menjana pendapatan penjaja di lokasi tersebut serta turut memberi pelbagai faedah langsung atau tidak langsung kepada semua pihak yang terlibat dalam industri sukan.

Kebanyakan akhbar harian utama di Malaysia mula menjadikan halaman sukan sebagai ruangan tetap sejak tiga dekad lalu (Mustakim 2010). Halaman berita sukan telah menjadi ruangan yang sama penting dengan ruangan berita politik, ekonomi, pendidikan dan jenayah. Walaupun halaman sukan itu pada awalnya bermula sebagai bahan bacaan ringan dan sekadar hiburan yang meliputi satu atau dua berita sukan sahaja, namun kini semua akhbar mempunyai halaman atau ruangan khas berita sukan yang terletak di bahagian halaman terakhir atau muka surat di belakang sekali atau dikenali sebagai muka depan sukan. Bagaimanapun cabaran besar juga menanti media sukan apabila revolusi industri ke-4 atau Industri 4.0 membawa perubahan besar kepada media surat khabar. Antara perubahan yang berlaku adalah pembaca akhbar lebih banyak menggunakan telefon pintar dan komputer serta media atas talian untuk membaca berita yang menyebabkan kurangnya kebergantungan mereka terhadap media tradisional. Zaman revolusi industri ke-4 ini menyaksikan persaingan akhbar bukan lagi berlaku sesama sendiri malah persaingan berlaku dengan media sosial yang berbeza bagi menarik perhatian pembaca. Media sosial ini menawarkan maklumat yang bervariasi yang mana setiap maklumat tersebut mempunyai kepentingan dan matlamat yang tersendiri namun tidak diketahui pula

kesahihannya (Soroka et al. 2015). Antara trenda terkini dalam strategi media untuk menarik pembaca ke tapak web media masing-masing adalah dengan menggunakan "*clickbait*" yang boleh berupa tajuk berita yang sensasi dan menarik, tetapi menjurus kepada kandungan berita yang tidak sah (Chen et al. 2015). Sehubungan itu kemahiran berfikir secara kritis adalah semakin penting ditekankan kepada pengguna media di zaman revolusi ke-4 ini bagi melatih mereka menilai dan menggunakan maklumat yang diperolehi dari pelbagai media sosial secara berpengetahuan, matang dan beretika. Dalam konteks ini kemahiran berfikir secara kritis boleh membantu pengguna media untuk membuat penaaakulan secara sistematik dan telus sebelum menggunakan sebarang berita dari pelbagai media sosial. Pandangan ini adalah selari dengan Cottrell (2017) yang mengandaikan pemikiran adalah aktiviti mental di mana pengetahuan diperoleh dan diolah melalui proses penaaakulan dan dapat membantu pengguna media dari pelbagai peringkat umur untuk menerima, menapis dan menilai sebarang maklumat yang disajikan di surat khabar dan media sosial lain yang wujud di zaman revolusi industri ke-4 ini.

Menurut Vivian (2003), media masa sangat penting kerana ia merupakan sumber informasi, hiburan, forum memujuk dan mengikat pengaruh terhadap masyarakat. Media dikatakan berperanan menguasai dan mempengaruhi cara berfikir kita terhadap dunia sekeliling. Dalam konteks amalan kewartawanan tradisional, setiap penerbitan berita perlu merangkumi maklumat penting iaitu, 'apa', 'bila', 'di mana', 'siapa', 'mengapa' dan 'bagaimana' atau '5W 1H' (Lippmann 2006). Memandangkan amalan kewartawanan tradisional ini diamalkan di kebanyakan negara, format penulisan berita adalah hampir sama di seluruh dunia (Shoemaker 2006). Selain itu penulisan berita juga menggunakan kaedah penulisan berita turun-temurun iaitu teknik 'Piramid Terbalik' (Blake 2006) yang merujuk kepada gaya kewartawanan yang meletakkan fakta-fakta yang paling penting bermula di bahagian atas dan berfungsi menurun ke bawah. Perenggan pertama mengandungi maklumat paling penting dan sudah cukup untuk memberi gambaran keseluruhan cerita dan memberi pilihan kepada pembaca untuk meneruskan bacaan hingga ke perenggan terakhir atau tidak. Amalan ini sebenarnya sangat membantu tugas editor untuk memotong berita tersebut dari perenggan paling bawah tanpa menjejaskan kandungan berita tersebut secara keseluruhan. Penerbitan berita sukan juga tidak lari dari asas amalan kewartawanan tradisional

dan moden. Antara lain, amalan editor yang telah dianggap sebagai individu yang mempunyai kuasa media atau dikenali sebagai penjaga gerbang (gatekeeper), kepentingan nilai berita (news value) yang digunakan sebagai panduan dalam menentukan liputan, pemilihan, penetapan dan penerbitan sesuatu berita itu. Galtung dan Ruge (1965) menyatakan terdapat banyak faktor nilai-nilai berita termasuklah kedekatan atau '*proximity*', konflik (conflict), kesemasaan (timeliness), minat manusia (human interest), keunggulan dan kemasyhuran (eminence and prominence), pertelingkahan (conflict) dan apa sahaja berita yang boleh mengancam dan menggugat kemakmuran manusia akan menjadi nilai media yang penting. Namun sejauh mana nilai berita benar-benar digunakan sebagai faktor dalam menetapkan liputan kandungan dan penerbitan berita adalah bergantung kepada perspektif editor atau penjaga gerbang itu sendiri.

Pada era sebelum kemunculan internet atau media baru, peminat sukan bergantung sepenuhnya kepada surat khabar untuk mengikuti perkembangan harian berita sukan. Berita sukan pada waktu itu tidak boleh dicapai dalam waktu sebenar (real time) tetapi sebaliknya diketahui sedikit tertunda kerana ketiadaan internet. Berita-berita sukan pada waktu itu lebih banyak memberikan tumpuan melaporkan keputusan-keputusan perlawanan bagi sukan-sukan popular pada waktu itu iaitu sukan-sukan dari Barat seperti golf, tenis, boling, lumba kereta dan bolasepak (Koivula 1999). Kemunculan media baru mengundang satu cabaran getir kepada media tradisional khususnya media bercetak. Segala informasi berkaitan sukan diterima dengan pantas dan terkini dalam waktu sebenar melalui skor langsung (live score) dan tidak perlu lagi menunggu terbitan akhbar pada keesokan hari. Fenomena ini telah menjejaskan penjualan akhbar menerusi penurunan sirkulasi sekitar 20-30% setahun (Audit Bureau of Circulations Malaysia 2016) dan menjadi cabaran yang terpaksa diharungi oleh industri akhbar bagi meneruskan kelangsungan perniagaan mereka pada hari ini. Cabaran ini telah mempengaruhi perubahan besar dalam industri akhbar apabila amalan kewartawanan yang didorong oleh pasaran yang berlandaskan kepada keuntungan (McManus 1994) telah mula wujud pada hari ini. Sehubungan itu, fokus penulisan berita sukan telah bertambah dari berita di gelanggang semata-mata kepada berita di gelanggang dan berita di luar gelanggang (contohnya berita atau temuramah dengan pegawai atau pemain dengan sudut berita seperti penyebab kepada kekalahan, gelagat penyokong atau insiden

di luar stadium). Oleh itu ruangan berita sukan dalam akhbar hari ini lebih bercorak moden dari segi susun atur dan maklumat yang melangkaui sempadan negara dan masa.

Kajian oleh Sarimah dan Hamed (2011) menunjukkan ruangan sukan akhbar berbahasa Melayu di Malaysia adalah berasaskan ekonomi dan memberi tumpuan kepada pasaran (penonton dan pengiklanan). Akibatnya akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian menyiarkan maklumat-maklumat sukan yang paling digemari oleh pembaca. Oleh sebab ini, timbul pelbagai persepsi dan perasaan tidak puas hati dalam kalangan peminat sukan dan persatuan sukan kebangsaan terhadap akhbar-akhbar di Malaysia kerana mereka kurang menyalurkan maklumat sukan tempatan, contohnya laporan sukan sukan sepak takraw dan seni mempertahankan diri, berbanding sukan luar negara. Kejadian ini sekaligus menunjukkan bahawa nilai berita kedekatan bukan lagi faktor utama dalam penerbitan sesuatu berita.

Walaupun kajian lepas telah membuat kajian terhadap berita sukan dalam akhbar tempatan (Sarimah & Hamed 2011), namun kajian tersebut lebih menumpukan kepada media sukan berasaskan ekonomi dan tumpuan kepada pasaran. Selain itu kajian Sarimah dan Hamed (2011) telah memfokuskan kepada bilangan mukasurat berita sukan dalam akhbar-akhbar harian tempatan. Oleh itu masih kurang kajian dibuat bagi meneliti secara spesifik liputan kandungan dan penerbitan berita sukan tempatan dan antarabangsa, penerbitan berita sukan dengan gambar atau tanpa gambar, dan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan untuk lelaki dan wanita. Selain itu, masih kurang kajian emperikal dibuat terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penetapan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan dalam akhbar harian di Malaysia termasuk amalan editor sukan yang berperanan sebagai penjaga gerbang di akhbar-akhbar tersebut. Memandangkan masih tidak terdapat garis panduan atau kod etika kewartawanan sukan yang piawai di Malaysia, pengetahuan berkaitan penggunaan asas atau amalan tertentu dalam penetapan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan boleh menyumbang kepada kefahaman dan seterusnya pembinaan garis panduan atau etika yang digunapakai dalam penerbitan berita sukan dalam akhbar harian di negara kita.

Justeru kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti profil liputan kandungan dan penerbitan berita sukan dalam akhbar-akhbar harian di Malaysia dan kuasa yang ada pada editor sukan di akhbar-akhbar

tersebut dalam menetapkan liputan kandungan dan menerbitkan berita sukan. Untuk mencapai tujuan kajian tersebut, kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan tersebut:

1. Apakah profil liputan kandungan dan penerbitan berita sukan bagi sukan tempatan dan luar negara dalam akhbar harian di Malaysia?
2. Apakah liputan kandungan dan penerbitan berita sukan dalam akhbar harian di Malaysia disokong dengan gambar atau tanpa gambar?
3. Apakah profil liputan kandungan dan penerbitan berita sukan bagi sukan wanita dalam akhbar harian di Malaysia?
4. Bagaimanakah editor sukan menetapkan liputan dan penerbitan berita sukan dalam akhbar harian di Malaysia?

#### KAJIAN-KAJIAN LEPAS MEDIA PENERBITAN SUKAN

Kajian berkaitan analisis kandungan media sukan dalam akhbar-akhbar di Malaysia telah dijalankan oleh Sarimah dan Hamed (2011). Kedua-dua kajian ini telah menggunakan teori media ekonomi sebagai kerangka konseptual kajian mereka dan mengenalpasti profil ruangan sukan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian berasaskan kepada enam kategori, iaitu 1) jenis maklumat dalam ruangan sukan, 2) paparan maklumat mengikut jenis sukan, 3) iklan dalam ruangan sukan akhbar, 4) susun atur ruangan sukan, 5) penggunaan gambar/illustrasi, dan 6) tahap liputan sukan dan cara liputan berita sukan. Dapatan kajian Sarimah dan Hamed (2011) mendapati penulisan berita sukan merupakan maklumat paling menonjol dalam ruangan sukan di mana ruangan sukan ini juga telah dikomersialkan dengan kehadiran iklan. Paparan maklumat mengikut jenis sukan juga mendapati bahawa Utusan Malaysia dan Berita Harian telah memberi liputan meluas terhadap sukan bolasepak. Profil iklan dalam ruangan sukan akhbar pula menunjukkan bahawa iklan bukan produk sukan yang bersesuaian telah mendominasi ruangan sukan akhbar. Dapatan kajian Sarimah dan Hamed (2011) juga menunjukkan bahawa muka surat utama berbentuk maklumat sukan dalam negara lebih mendominasi susun atur ruangan sukan akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian berbanding maklumat sukan luar negara, kedua-dua akhbar memaparkan sejumlah gambar dan ilustrasi bagi menyokong maklumat sukan yang ditulis. Selain itu kedua-dua kajian ini menunjukkan

bahawa tidak terdapat perbezaan tahap liputan sukan antarabangsa dan nasional dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian, namun ruangan sukan bagi kedua-dua akhbar dikuasai maklumat sukan berkaitan kejohanan sukan antarabangsa.

Selain itu Mohd Yahya (2010) telah mengenalpasti peratusan, kekerapan serta perbezaan jumlah penggunaan berita, berita utama sukan dan berita sukan pada muka depan sukan (front page sport) dan halaman sukan yang dipetik daripada agensi berita antarabangsa iaitu Reuters, Agence France-Press (AFP), Associate Press (AP) dan United Press International (UPI) oleh Utusan Malaysia dan Berita Harian. Kajian analisis kandungan oleh Mohd Yahya (2010) ini telah mendapati bahawa kedua-dua akhbar cenderung menggunakan bahan-bahan berita yang dipetik daripada agensi-agensi media antarabangsa terutamanya daripada Reuters dan AFP. Walau bagaimanapun, Mohd Yahya (2010) menunjukkan bahawa foto dari AP dan AFP yang paling banyak digunakan oleh kedua-dua akhbar terbabit dengan foto bukan aksi perlawanan lebih banyak dipilih dan diterbitkan berbanding dengan aksi perlawanan.

Terdapat juga kajian yang dilakukan terhadap pemilihan berita dari perspektif wartawan media cetak di Malaysia oleh Siti Suriani et al. (2013) yang mengkaji faktor-faktor yang menjadikan sesebuah peristiwa sebagai terbitan berita. Walaupun bukan melihat kepada profil sukan, kajian ini mengkaji 'nilai berita' melalui kaedah temu bual dengan wartawan. Siti Suriani et. al (2013) mendapati bahawa wartawan menilai berita berdasarkan lima faktor iaitu: 1) berita yang terbaik hari itu adalah berita utama, 2) pemilikan akhbar, 3) kehendak pembaca, 4) tahap pengalaman wartawan, dan (5) hirarki dalam bilik berita yang menentukan berita. Kajian juga mendapati tiga nilai berita yang paling kerap diujarkan oleh wartawan atau editor, iaitu: 1) kesemasaan, 2) berita yang menarik, dan 3) kedekatan atau '*proximity*' berita dengan pembacanya. Kajian Siti Suriani et. al (2013) juga menunjukkan ketiga-tiga nilai berita yang disenaraikan tidak boleh berdiri sendiri untuk menentukan berita. Nilai berita dikatakan berfungsi sebagai panduan kepada wartawan atau editor dalam menentnkan berita (Niblock 2005), tetapi faktor-faktor pertimbangan yang lain tidak boleh diabaikan (Gans 1979; Tuchman 1978; Schlesinger 1987; Venables 2005; Brighton & Foy 2008). Interaksi antara pertimbangan-pertimbangan ini dengan nilai beritalah yang membawa kepada keputusan liputan berita keesokan harinya.



Namun kajian lepas seperti Rowe (1999) menegaskan bahawa penonton dan pembaca media sukan sebenarnya telah dibentuk dengan imej dan maklumat sukan mengikut kehendak pemilik media. Sebagai contoh paparan maklumat sukan global telah membentuk sebahagian identiti sukan global dunia, umpamanya kewujudan peminat serata dunia terhadap Piala Dunia Bolasepak, kecintaan peminat terhadap kelab-kelab sukan ternama dunia seperti Manchester United dan Chelsea (Boyle & Haynes 2000; Boyle 2006). Sehubungan itu, Sherwood et al. (2017) menyarankan bahawa maklumat paparan sukan kepada masyarakat menerusi media merupakan kandungan yang telah disunting terlebih dahulu oleh mereka yang menguasai media tersebut. Oleh itu definisi orang ramai terutamanya penggiat dan peminat sukan telah dibentuk berdasarkan pandangan pemilik media yang dipaparkan oleh golongan ini. Kejadian ini menunjukkan bawa kandungan berita sukan juga turut di dipengaruhi oleh pemilik media

Tujuan penggunaan gambar dalam ruangan berita sukan terutama bagi gambar berbentuk aksi dan aktiviti dapat menyokong berita ataupun sebagai berita bergambar (Sarimah & Hamed 2011). Menurut Asan, (2016) gambar yang penyokong penulisan sesuatu berita memberikan lebih kesan atau impak terhadap paparan terutama penggunaan gambar berwarna kerana terdapatnya penerangan atau *caption* tentang gambar yang dipaparkan. Berita bergambar biasanya tidak memerlukan penulisan yang panjang kerana gambar tersebut telah sedia memberi maksud yang jelas kepada pembaca. Situasi pengukuhan dalam konsep penulisan berita ini diibaratkan oleh Asan (2016) sebagai konsep '*Content is King dan Picture is Queen*'. Amalan ini telah disarankan oleh Hadland et al. (2016) yang menyatakan suratkhbar perlu meningkatkan penggunaan gambar dalam setiap berita dan halaman kerana ia dapat meningkatkan kredibiliti dan kejayaan sesebuah akhbar itu.

Proses penyuntingan kandungan media dilakukan oleh penjaga gerbang yang terdiri daripada penerbit, pengarang (editor), pengarah program, penulis, pengulas, penaja dan penyedia laman web internet. Sehubungan ini Coakley (2005) telah menggariskan bahawa interpretasi dan berita berkaitan sukan yang terdapat dalam media adalah berdasarkan kepentingan politik media (pemilik media) yang sebahagian besarnya dibuat berlandaskan membuat keuntungan, membentuk nilai, menyediakan maklumat untuk masyarakat, membentuk imej sendiri dan menetengahkan

kebolehan teknikal, artistik atau stail kewartawanan sendiri. Kenyataan ini adalah selari dengan pandangan sarjana-sarjana Barat (Stepp 1991; McManus 1994) yang menyatakan ruangan sukan berupaya memberi impak ekonomi kepada akhbar kerana peminat sukan merupakan sasaran dan pasaran kepada pengiklan dan berita sukan.

Walaupun isu kredibiliti sukan masih kurang diperkatakan kerana berita sukan adalah berita yang berkaitan dengan keputusan atau fakta perlawanan yang tidak boleh dimanipulasi kecuali berita di luar gelanggang atau cerita peribadi atlet atau pegawai sukan, isu kredibiliti akhbar harian tempatan dan luar negara semakin mencuri perhatian sekiranya berita sukan ini dikaitkan dengan teori media seperti Teori Penetapan Agenda (McCombs 1976) dan Teori Jarum Suntikan (Lasswell 1927). Selain itu aplikasi komputer dan teknologi maklumat yang membolehkan berita sukan dikongsi tanpa sempadan dan penapisan mendedahkan pembaca akhbar kepada isu etika dan agenda terselindung dalam media sukan. Ini berikutan limpahan maklumat yang diterima oleh pembaca akhbar menerusi pelbagai saluran media yang pantas, mudah dan murah masih belum tentu kebenaran dan kesahihannya serta matlamat penerbitannya. Oleh itu kajian yang mengenalpasti liputan kandungan dan penerbitan berita sukan dan penetapan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan tersebut dapat memberi kesedaran kepada pembaca berita sukan untuk menggunakan prinsip-prinsip berautoriti, tepat, saksama, semasa, lengkap dan jelas bagi tujuan menilai, mempercayai, menyebarkan dan menggunakan sebarang berita sukan dari pelbagai sumber dan media.

#### TEORI-TEORI MEDIA PENERBITAN

Terdapat pelbagai teori-teori media yang boleh menjelaskan isu berkaitan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan. Teori-teori ini selalunya dikaitkan dengan peranan pihak berkuasa atau autoriti yang mengawal akhbar, peranan penjaga gerbang, penetapan agenda dan tanggungjawab sosial yang dilihat masih terpakai serta popular hingga ke hari ini yang mungkin secara tidak langsung menjadi amalan media sukan di negara ini. Sebagai contoh Teori Tanggungjawab Sosial (Siebert 1956) menggalakkan kebebasan penuh kepada akhbar tanpa penapisan. Namun kawalan tetap dibuat berasaskan tanggungjawab sosial dan kawalan luaran di mana kandungan akhbar akan

ditapis bagi menjaga kepentingan awam serta mengelakkan campurtangan pihak-pihak yang tidak berkenaan. Teori ini mengandaikan bahawa media penerbitan tidak seharusnya mendatangkan bahaya, malah dapat menggalakkan pertumbuhan persekitaran dan sosio-budaya agar selari dengan perkembangan ekonomi setempat. Justeru, Teori Tanggungjawab Sosial (Siebert 1956) sesuai digunakan secara langsung atau tidak langsung dalam konteks media sukan di Malaysia dan di luar negara. Selari dengan itu, terdapat juga Teori Penilaian Berita (Galtung & Ruge 1965) yang kemudiannya dikemaskini kepada Teori Asas II (Galtung & Ruge 1995). Teori ini yang menyatakan bahawa berita-berita yang diterima dari seluruh dunia akan dinilai menerusi proses pemilihan sebelum diterbitkan berdasarkan kepada kekuatan nilai berita atau *'news value'* yang berdiri sendiri dan bebas daripada sebarang pengaruh personal, ekonomi, sosial dan ekonomi.

Berlawanan dengan Teori Asas II (Galtung & Ruge 1995), Teori *'Gatekeeping'* (Lewin 1943) menyatakan bahawa pemilihan, penapisan, dan kelulusan penerbitan sesuatu berita adalah bergantung kepada kuasa yang dimiliki oleh entiti yang bergelar penjaga gerbang yang terdapat dalam organisasi media. Dalam konteks penetapan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan dalam media penyiaran, penjaga gerbang adalah orang yang berkuasa untuk memilih dan menguruskan maklumat sebelum disiarkan kepada pengguna media. Pemilihan ini dibuat berasaskan kepada dasar, jenis, sifat, dan kandungan sesuatu maklumat yang boleh menjelaskan mengapa dan bagaimana sebahagian maklumat itu diterbitkan atau tidak diterbitkan. Selain itu Teori Asas McQuail (McQuail 1987) turut melihat amalan media yang memberikan penekanan kepada peranan penjaga gerbang atau mereka yang bertanggungjawab dalam meluluskan atau membenarkan penerbitan sesuatu berita itu berasaskan kepada motif organisasi masing-masing.

Terdapat teori yang lebih ekstrim berkaitan dengan penerbitan media. Sebagai contoh, Teori Penetapan Agenda (MaxCombs 1968) ini menerangkan bahawa purata liputan berita yang ditulis dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat bahawa berita tersebut adalah penting. Secara spesifik teori ini menyatakan bahawa berita yang sering diulang-ulang oleh media memberi kesan yang sangat kuat dalam mempengaruhi orang ramai terhadap kepentingan berita tersebut. Teori ini menekankan apa yang dianggap penting oleh media menjadi penting juga bagi masyarakat dan

telah digunakan untuk mencari dan meletakkan asas penentuan peranan media ketika kempen presiden di Chapel Hill, Carolina Utara pada tahun 1972. Selain itu terdapat Teori Jarum Suntikan (Lasswell 1927) yang menyatakan model komunikasi boleh dilihat sebagai 'peluru ajaib' atau *'magic bullet'* bagi mempengaruhi orang ramai. Teori ini menjadi asas kepada kajian berkaitan *'Propaganda Technique'* sewaktu Perang Dunia Pertama (Choukas 1965) yang dapat menjelaskan mengapa manusia mudah diperdaya dan dipengaruhi oleh propaganda.

## METODOLOGI

Bahagian ini akan menjelaskan metodologi kajian yang terdiri daripada reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan dan analisis data.

## REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes merupakan penyiasatan yang terperinci kepada sesuatu 'setting' atau seorang peserta, atau sesuatu hamparan dokumen, atau suatu peristiwa tertentu (Yin 2017). Kajian ini dijalankan oleh pengkaji juga bertepatan dengan saranan Stake (2005) iaitu disebabkan minat untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes dan bukan untuk menguji sesuatu hipotesis.

Kajian kes ini membabitkan dua akhbar harian di Malaysia iaitu akhbar Kosmo dan Berita Harian. Akhbar Kosmo mewakili akhbar Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad yang merupakan akhbar jenis kompak dan akhbar tabloid berbahasa Melayu yang kini merupakan akhbar berita sukan nombor satu negara berdasarkan jumlah sirkulasi (Audit Bureau of Circulations Malaysia 2015). Manakala Berita Harian ialah sebuah akhbar utama di Malaysia berbahasa Melayu yang diasaskan pada tahun 1957 semasa Malaysia mencapai kemerdekaan dan merupakan akhbar paling laris dan popular sebelum kemunculan akhbar Kosmo. Walau bagaimanapun, laporan terbaharu menunjukkan akhbar Kosmo kekal mencatatkan sirkulasi tertinggi 151,388 naskhah sehari megalahkan akhbar Berita Harian iaitu akhbar yang paling banyak mempunyai halaman berita sukan yang berada di kedudukan ketiga dengan 82,252 naskhah (Audit Bureau of Circulations Malaysia 2018).

#### KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Sumber data bagi kajian ini adalah bahan dokumen terbitan akhbar Kosmo dan Berita harian dan temubual berstruktur bersama dua orang editor sukan yang bertugas di akhbar-akhbar tersebut. Dokumen terbitan akhbar yang terlibat dalam kajian ini adalah dokumen terbitan akhbar Kosmo dan Berita Harian yang telah diterbitkan di sepanjang bulan April 2016 bagi mengelakkan dapatan kajian dipengaruhi oleh liputan berita sukan yang berlebihan terhadap penyertaan atlet negara dalam temasya Sukan Olimpik Rio, Brazil yang berlangsung pada bulan Ogos 2016. Selain itu, kebanyakan sukan tempatan dan luar negara sudah bermula dengan saingan musim baru pada bulan April setiap tahun.

Analisis bahan dokumen terbitan akhbar ini akan memberikan maklumat berkaitan dengan jumlah halaman berita sukan, jumlah halaman berita sukan tempatan dan antarabangsa (Pengiraan Klip), jumlah berita sukan tempatan dan antarabangsa (Analisis Kualiti Liputan), jenis berita sukan tempatan dan antarabangsa (Analisis Kualiti Liputan), berita muka depan sukan (Analisis Ketara), berita sukan bergambar dan tanpa gambar (Analisis Ketara) dan berita sukan mengikut jantina (Analisis Kompetitif).

Temubual berstruktur telah dilakukan bersama dua orang editor sukan di akhbar Kosmo dan Berita Harian. Kedua-dua Editor Sukan yang terpilih dalam kajian ini merupakan seorang yang telah berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang kewartawanan sukan dan sering bersama dengan penyelidik dalam pelbagai liputan sukan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel, Sukan Olimpik, Lumba Basikal Le Tour de Langkawi, Kejohanan Grand Prix Motosikal Dunia, Lumba Kereta Formula Satu dan pelbagai kejohanan sukan antarabangsa yang turut dianjurkan oleh Malaysia sebagai tuan rumah. Malah, kedua-dua Editor Sukan tersebut turut mempunyai kelulusan dalam bidang kewartawanan asas sebelum berkhidmat memulakan kerjaya masing-masing. Temubual berstruktur ini akan memberikan data berkaitan dengan amalan media terbabit serta dapat mencerminkan bagi membolehkan data tersebut dipadankan pula dengan data analisis dokumen. Temubual ini turut memberikan tumpuan kepada jenis isu semasa yang di bawa oleh akhbar terbabit, serta untuk memeriksa apakah terdapatnya asas-asas keutamaan tertentu dan amalan-amalan utama dari kedua-dua akhbar terbabit dalam konteks penetapan dan pemilihan serta liputan berita sebelum diterbitkan. Soalan

temubual berstruktur ini disusun dan dirancang bagi membolehkan ia sepadan dengan jawapan yang bakal diterima daripada kedua-dua Editor Sukan terbabit bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibina.

#### KAEDAH ANALISIS DATA

Data dari analisis dokumen terbitan akhbar telah dianalisis dengan menggunakan empat kaedah analisis dokumen media yang dikenali sebagai kaedah pengiraan klip (*clip counting*), analisis ketara (*prominence analysis*), analisis kualiti liputan (*quality of coverage analysis*) dan analisis kompetitif (*competitive analysis*) (Neuendorf 2016). Pertama, pengkaji telah menggunakan kaedah pengiraan klip di mana kaedah ini adalah kaedah analisis dokumen media yang paling asas dan mungkin juga paling kuno (Lasswell et al. 1952). Menggunakan kaedah ini, pengkaji telah mengumpul dan menyusun semua berita sukan yang telah diterbitkan dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian sepanjang bulan April 2016 mengikut kronologi, tarikh, dan jumlah berita sukan tersebut. Kedua, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis ketara di mana pengkaji akan menganalisis semua berita sukan yang telah diterbitkan dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian sepanjang bulan April 2016 berdasarkan enam ciri yang terdapat dalam berita sukan tersebut; iaitu: 1) di mana berita sukan itu muncul, 2) tarikh penampilan 3) saiz keseluruhan berita sukan tersebut, 4) di mana letaknya berita sukan tersebut, 5) adakah berita sukan tersebut dalam bentuk artikel bergambar atau karya seni lain, dan 6) saiz tajuk utama berita sukan tersebut. Ketiga, pengkaji turut menggunakan analisis kualiti liputan di mana pengkaji telah menganalisis berita sukan yang telah diterbitkan dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian sepanjang bulan April 2016 berdasarkan faktor nada, kemasukan mesej tertentu yang ketara, dan juga keseluruhan artikel. Setiap faktor yang dimasukkan ke dalam pengiraan akan menjana skor bagi setiap berita sukan dan seterusnya menyumbang kepada kualiti liputan yang dihasilkan. Akhirnya pengkaji telah menjalankan kaedah analisis kompetitif di mana berita sukan yang telah diterbitkan dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian sepanjang bulan April 2016 telah dianalisis berdasarkan topik individu, acara, jenama atau syarikat. Analisis kompetitif juga boleh dilakukan dengan membandingkan prestasi syarikat, jenama, topik atau peristiwa menerusi

liputan media yang diterima. Analisis ini boleh dinilai menerusi perbandingan jumlah artikel antara satu jenama dengan jenama lain dan juga sering digunakan sebagai cara untuk menilai prestasi relatif dalam media (Day & Wensley 1988). Data yang telah diperolehi dari empat analisis dokumen ini seterusnya telah dimasukkan dan dianalisis dengan menggunakan program *Statistics Package for Social Sciences* (SPSS) versi 25.0 bagi mendapatkan nilai statistik deskriptif untuk 1) jumlah halaman berita sukan tempatan dan antarabangsa; 2) pemilihan jenis sukan untuk keutamaan liputan dan terbitan; 3) jumlah berita sukan tempatan; 4) jumlah berita sukan antarabangsa; 5) berita muka depan sukan, 6) berita sukan bergambar dan tanpa gambar; dan 7) berita sukan mengikut jantina.

Selain itu hasil temu bual bersama dua orang editor sukan Kosmo dan Berita Harian telah dirakam dalam alat perakam elektronik dan dicatatkan secara bertulis sewaktu proses temubual dijalankan. Hasil temubual juga telah diterjemahkan dalam bentuk tulisan dan seterusnya telah dianalisis mengikut empat pendekatan analisis dokumen yang telah dijalankan ke atas berita sukan yang telah diterbitkan dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian sepanjang bulan April 2016. Selain itu data temubual telah dianalisis bagi mengenalpasti perbezaan terhadap amalan penetapan liputan dan penerbitan berita sukan dalam kalangan editor sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian. Oleh itu pengkaji telah melakukan proses pelaziman data melalui pengulangan terhadap pembacaan hasil penulisan temuduga dan pendengaran hasil temuduga dalam alat perakam elektronik bagi membiasakan diri dengan data-data tersebut. Seterusnya, pengkaji telah melakukan triangulasi data dari sumber yang berbeza iaitu data dari hasil analisis dokumen serta temubual bagi memastikan kepercayaan (trustworthiness) kajian. Proses triangulasi ini memerlukan pengkaji memadankan data daripada analisis dokumen dan temubual dengan persoalan kajian. Melalui proses triangulasi ini, pengkaji dapat membina pengetahuan berkaitan dengan amalan penetapan liputan dan penerbitan berita sukan dalam kalangan editor sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian.

Dalam kajian ini pengkaji telah bertindak selaku instrumen utama dalam proses pengumpulan dan analisis data, dan seterusnya melakukan refleksi secara terus menerus ke atas data sebelum membina pemahaman terhadap topik kajian sepertimana yang disarankan oleh Mayer (2015) dan Harding (2018). Dalam konteks ini, pengalaman pengkaji

hampir 25 tahun membuat liputan acara sukan di kejohanan tempatan dan antarabangsa termasuk 12 tahun sebagai wartawan penyiaran kanan sukan di TV3 dan sebagai pengulas sukan secara bebas di Astro Arena dan Fox Sports Singapura banyak membantu kepada proses pengutipan data. Selain itu tugas pengkaji pada waktu ini sebagai penyelar media di Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan sekaligus selaku wartawan dan editor sukan yang membekalkan kandungan berita sukan di Temasya Sukan Universiti Dunia (WUG) Taipei 2017 dan Temasya Sukan Universiti Asean (AUG) Naypyitaw, Myanmar 2018 serta pengalaman pengkaji sebagai pensyarah di salah sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia dan bekas Setiausaha Agong Persatuan Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM) pada 2002-2006 banyak membantu pengkaji membuat refleksi dan membina pengetahuan secara kreatif dan kritis berkaitan amalan penetapan liputan dan penerbitan berita sukan dalam kalangan editor sukan akhbar harian di Malaysia.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan liputan kandungan dan penerbitan akhbar Kosmo dan Berita Harian, dan keutamaan berita sukan tempatan dan luar negara, berita sukan bergambar dan tanpa gambar, liputan sukan wanita, dan peranan editor sukan sebagai penjaga gerbang dalam kedua-dua akhbar tersebut. Bahagian ini turut membincangkan dapatan kajian tersebut dalam konteks kajian lepas.

### PROFIL LIPUTAN KANDUNGAN DAN PENERBITAN BERITA SUKAN AKHBAR KOSMO DAN BERITA HARIAN

Jadual 1 menunjukkan analisis jumlah halaman berita sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian bagi berita sukan tempatan dan antarabangsa.

JADUAL 1. Jumlah halaman berita sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian bagi berita sukan tempatan dan antarabangsa

Jumlah Halaman Berita Sukan	Kosmo	Berita Harian
Tempatan	156 (52.34%)	211 (66.987%)
Antarabangsa	142 (47/65%)	104 (33.01%)
Jumlah	298 (48.61%)	315 (51.38%)



Dapatan kajian menunjukkan bahawa akhbar Kosmo dan Berita Harian memperuntukkan lebih liputan kandungan penerbitan berita sukan tempatan berbanding antarabangsa. Walau bagaimanapun, liputan kandungan dan penerbitan berita sukan tempatan dan antarabangsa dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian adalah berbeza. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1, akhbar Kosmo menerbitkan 156 halaman berita sukan tempatan dan 142 halaman berita sukan antarabangsa, manakala akhbar Berita Harian menerbitkan 211 halaman berita sukan tempatan dan 104 halaman berita sukan antarabangsa. Dapatan ini disokong oleh data temubual bersama editor sukan Berita Harian yang menyatakan bahawa mereka memperuntukkan 60% daripada jumlah halaman berita sukan untuk terbitan berita sukan tempatan dan hanya 40% halaman berita sukan diperuntukkan kepada berita sukan antarabangsa. Pada hari biasa akhbar Kosmo lazimnya memperuntukkan lima atau enam halaman berita sukan tempatan dan empat atau lima halaman berita sukan antarabangsa, manakala akhbar Berita Harian menyediakan tujuh halaman berita sukan tempatan dan tiga halaman berita sukan antarabangsa. Pada hari hujung minggu setiap akhbar biasanya menambah satu halaman lagi untuk berita sukan tempatan dan antarabangsa. Ini bermakna penetapan jumlah halaman atau kuantiti ruang yang disediakan untuk berita sukan tempatan dan antarabangsa itu telah ditetapkan kadarnya terlebih dahulu dan hanya perlu dipenuhi oleh editor sukan setiap hari. Penetapan ruang seperti yang diperkatakan oleh editor sukan Kosmo dan Berita Harian ini memang telah menggambarkan bahawa keutamaan diberikan lebih banyak kepada

pengisian ruang berita sukan tempatan berbanding antarabangsa.

Dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Sarimah dan Hamedi (2011) yang mendapati bahawa akhbar harian di Malaysia lebih banyak memberi maklumat sukan luar negara berbanding sukan tempatan. Terdapat kemungkinan bahawa kajian-kajian lepas lebih menumpukan kepada jumlah kuantiti berita sukan secara keseluruhan tanpa mengambilkira faktor penetapan jumlah halaman berita sukan dan antarabangsa yang telah diperuntukkan oleh editor sukan berita di akhbar-akhbar harian tersebut. Selain itu ada kemungkinan terdapat perubahan amalan penetapan kandungan dan penerbitan berita sukan dalam akhbar-akhbar harian di Malaysia.

#### KEUTAMAAN BERITA SUKAN TEMPATAN DAN LUAR NEGARA

Jadual 2 menunjukkan analisis jumlah berita sukan tempatan dan antarabangsa mengikut jenis sukan yang mendapat liputan akhbar Kosmo dan Berita Harian.

Dapatan kajian berkaitan keutamaan berita sukan tempatan dan luar negara menunjukkan bahawa akhbar Kosmo memperuntukkan sejumlah 398 berita sukan tempatan berbanding 375 berita sukan antarabangsa, manakala akhbar Berita Harian memperuntukkan sejumlah 520 berita sukan tempatan berbanding 276 berita sukan antarabangsa. Biar pun Kosmo memaparkan lebihan sekitar 7% untuk berita sukan luar negara, didapati bahawa akhbar Kosmo dan Berita Harian masih lagi

JADUAL 2. Jumlah berita sukan tempatan dan antarabangsa mengikut jenis sukan yang mendapat liputan akhbar Kosmo dan Berita Harian

Jenis Sukan	Kosmo		Berita Harian	
	Tempatan	Antarabangsa	Tempatan	Antarabangsa
Bolasepak	195 (48.99%)	284 (75.73%)	321 (61.73%)	193 (69.92%)
Badminton	47 (11.80%)	0	40 (7.69%)	7 (2.53%)
Hoki	36 (9.04%)	0	21 (4.03%)	0
Boling	0	0	0	0
Gimnastik	2 (0.50%)	0	2 (0.38%)	0
Skuasy	10 (2.51%)	0	3 (0.57%)	0
Olahraga	26 (6.53%)	3 (0.8%)	9 (1.7%)	2 (0.72%)
Akuatik	4 (1.00%)	4 (1.06%)	2 (0.38%)	2 (0.72%)
Lain-lain	78 (19.59%)	84 (22.4%)	122 (23.46%)	72 (26.08%)
Jumlah	398 (51.48%)	375 (48.51%)	520 (65.32%)	276 (34.67%)

mengutamakan akan konsep nilai berita ‘*news value*’ iaitu ‘*proximity*’. Sebagai contoh, akhbar Berita Harian menunjukkan bahawa berita sukan bolasepak tempatan begitu dekat di hati peminat sukan di negara ini dengan memuatkan ruang berita bola sepak tempatan hampir 40% lebih banyak dari akhbar Kosmo. Ini membuktikan bahawa konsep nilai berita berkaitan dengan kedekatan ‘*proximity*’ menjadi tumpuan utama akhbar Berita Harian. Manakala akhbar Kosmo tidak memberi tumpuan kepada aspek kedekatan apabila memuatkan berita bolasepak luar negara lebih 30% lebih banyak berbanding berita bola sepak tempatan. Walaupun akhbar Kosmo memaparkan lebihan sekitar 7% untuk berita sukan luar negara berbanding akhbar Berita Harian, secara keseluruhan akhbar Kosmo dan Berita Harian masih lagi mengutamakan konsep peristiwa yang berdekatan (*proximity*) mempunyai nilai berita yang lebih tinggi iaitu salah satu ciri nilai berita (*news value*) yang penting sepertimana yang disarankan oleh para sarjana komunikasi seperti Garisson (1985), Stovall (2005), dan Brook, Pinson dan Sissor (2005).

#### BERITA SUKAN BERGAMBAR DAN TANPA GAMBAR

Jadual 3 menunjukkan analisis jumlah liputan berita sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian bergambar dan tanpa gambar.

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat perbezaan yang besar dalam jumlah liputan berita sukan bergambar dan tanpa gambar antara akhbar Kosmo dan Berita Harian. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3, akhbar Kosmo memuatnaik 680

berita sukan bergambar berbanding 529 berita sukan bergambar dalam akhbar Berita Harian. Secara spesifik akhbar Kosmo memuatkan 417 berita sukan bergambar bagi sukan bolasepak, 417 berita sukan bergambar bagi sukan badminton, dan 28 sukan bergambar bagi sukan hoki. Pendekatan yang digunakan oleh editor sukan akhbar Kosmo ini dikenali sebagai ‘*Content is King; Picture is Queen*’ (Asan 2016). Pendekatan ini menjadi asas utama bagi menentukan posisi dan kekuatan sesuatu berita sukan dan seterusnya menentukan samada beritasukan tersebut boleh menjadi berita utama sukan dan dimuatkan di muka depan sukan. Oleh itu, walaupun sesuatu berita sukan mempunyai kekuatan tetapi tidak disokong dengan gambar, berita sukan tersebut dianggap tidak kukuh dan tidak boleh menjadi berita utama sukan.

Imej atau gambar menarik lebih perhatian pembaca. Artikel berita dengan elemen foto atau grafik, secara automatik lebih cenderung dibaca, baik di cetak atau dalam talian kerana imej atau gambar lebih menarik perhatian pembaca. Sekiranya terdapat beberapa cerita bergambar dan tanpa gambar, cerita paling ramai dibaca adalah cerita yang disokong oleh gambar atau imej. Ini menunjukkan wujudnya perhubungan antara visual, mental, dan emosi. Kehadiran gambar untuk menyokong kandungan liputan berita memperjelaskan mata serta mempertajamkan kemahiran berfikir kepada pembaca dalam membuat tafsiran terhadap sesuatu liputan berita sukan tersebut. Proses membuat pertimbangan dengan menafsir gambar yang dipaparkan mempunyai perkaitan dengan pemikiran lateral yang boleh menyelesaikan masalah dengan melihat sesuatu isu dari pelbagai perspektif.

JADUAL 3. Jumlah liputan berita sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian bergambar dan tanpa gambar

Jenis Sukan	Kosmo		Berita Harian	
	Bergambar	Tanpa gambar	Bergambar	Tanpa gambar
Bolasepak	417 (61.32%)	58 (12.21%)	337 (63.70%)	166 (63.84%)
Badminton	44 (6.47%)	7 (13.72%)	39 (7.37%)	10 (20.04%)
Hoki	28 (4.11%)	0	21 (3.96%)	6 (22.2%)
Boling	0	0	0	0
Gimnastik	2 (0.29%)	0	2 (0.37%)	0
Skuary	9 (1.32%)	1 (1.0%)	6 (1.13%)	2 (25.0%)
Olahraga	27 (3.97%)	0	7 (1.32%)	5 (41.66%)
Akuatik	5 (0.73%)	0	2 (0.37%)	0
Lain-lain	148 (21.76%)	18 (10.84%)	114 (21.55%)	71 (38.37%)
Jumlah	680 (88.42%)	89 (11.58%)	529 (67.04%)	260 (32.95%)

Pendekatan yang digunakan oleh editor sukan akhbar Kosmo ini adalah selari dengan Bogard (1982) yang menyatakan ruangan akhbar hari ini lebih bersifat visual (dipenuhi dengan gambar menarik), mengandungi lebih maklumat personaliti, analisis, dan berita-berita pendek bagi bersaing dengan pelbagai jenis media lain. Amalan akhbar Kosmo ini juga menyokong kajian Sarimah dan Hamedi (2011) yang mendapati bahawa gambar yang menyokong penulisan sesuatu berita memberikan lebih kesan terhadap paparan dan berita bergambar tidak memerlukan penulisan yang panjang kerana gambar tersebut telah bersedia memberi maksud yang jelas kepada pembaca. Tambahan pula, gambar sukan selalunya menarik terutama yang berkaitan dengan aksi dan drama. Dapatan kajian ini juga selari dengan hasil kajian Yi et al. (2016) yang mendapati bahawa strategi pemilihan berita halaman hadapan dalam akhbar harian berbahasa Melayu dan China adalah berdasarkan tajuk dan gambar yang dapat menarik dan mempengaruhi minda pembaca.

#### LIPUTAN SUKAN WANITA

Jadual 3 menunjukkan analisis jumlah berita sukan wanita yang mendapat liputan akhbar Kosmo dan Berita Harian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar Kosmo dan Berita Harian mempunyai jumlah liputan berita sukan wanita yang rendah. Jadual 4 menunjukkan jumlah liputan berita sukan wanita berdasarkan jenis sukan. Jadual 4 menunjukkan akhbar Kosmo hanya menerbitkan sebanyak 49 berita sukan wanita manakala akhbar Berita Harian hanya menerbitkan sebanyak 31

JADUAL 4. Jumlah berita sukan wanita yang mendapat liputan akhbar Kosmo dan Berita Harian

Jenis Sukan	Kosmo	Berita Harian
Bolasepak	0	1 (3.22%)
Badminton	14 (28.57%)	9 (29.03%)
Hoki	0	0
Boling	0	0
Gimnastik	3 (6.12%)	3 (9.67%)
Skuasy	10 (20.04%)	5 (16.12%)
Olahraga	9 (18.36%)	2 (6.45%)
Akuatik	2 (4.08%)	2 (6.45%)
Lain-lain	11 (18.2%)	9 (29.03%)
Jumlah	49 (61/25%)	31 (38.75%)

berita sukan wanita sepanjang bulan April 2016. Jumlah ini bersamaan dengan 12.31% dan 5.96% dari penerbitan keseluruhan berita sukan tempatan bagi akhbar Kosmo dan Berita Harian. Sehubungan dengan itu akhbar Kosmo dan Berita Harian masing-masing telah memberikan liputan berita sukan tempatan kepada sukan lelaki sebanyak 85% dan 95% sepanjang bulan April 2016. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat keseimbangan terbitan dan liputan berita sukan wanita dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian.

Dapatan kajian analisis dokumen ini telah disokong oleh data dari interbual dengan dua orang editor sukan di akhbar Kosmo dan Berita Harian. Kedua-dua orang peserta kajian ini berpendapat bahawa perkara ini berlaku kerana kebanyakan peminat sukan di Malaysia lebih cenderung untuk menyaksikan acara sukan berprestasi tinggi yang kebanyakannya membabitkan ahli sukan lelaki. Selain bertujuan untuk memenuhi kehendak peminat sukan, kesemua peserta kajian mengutamakan berita sukan lelaki kerana pengaruh penaja terhadap sesuatu sukan turut memainkan peranan dalam ruang penerbitan berita yang diperuntukkan. Selain memenuhi objektif komersial, editor sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian menafikan bahawa mereka telah melakukan sebarang diskriminasi ke atas berita sukan wanita di negara ini. Editor sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian juga menambah bahawa media sukan tempatan hari ini lebih tertumpu kepada atlet wanita bertaraf dunia seperti penerjun negara Pandelega Rinong, Tan Ju Hoong dan Ratu Skuasy Negara iaitu Nicol Ann David, manakala tumpuan berita sukan wanita di peringkat antarabangsa lebih diberikan kepada sukan tenis. Dapatan kajian ini adalah selari dengan penulisan Alvarez (2018) yang menemukan bahawa hanya 5% daripada ruang berita atau artikel di Australia diberikan pada sukan wanita. Perkara ini tetap berlaku walaupun Australia memiliki ahli sukan wanita sbertaraf dunia seperti Stephanie Rice yang memenangi tiga pingat emas renang di Sukan Olimpik Beijing, Sally Pearson yang berjaya menjadi juara dunia tahun 2017 dan pemenang pingat emas Sukan Olimpik di London tahun 2012 bagi sukan lompat pagar 100 meter, dan Anna Meares yang memperolehi pingat perak di Sukan Olimpik di Beijing dan juara dunia pecut UCI sebanyak tiga kali dari tahun 2009 hingga 2011 bagi acara pecut berbasikal. Sebaliknya terbitan berita sukan lelaki telah melebihi jumlah 90% dari keseluruhan berita sukan bagi akhbar harian atau mingguan. Sehubungan dengan ini Angelini (2008) telah mendapati bahawa kedua-dua peminat sukan

lelaki dan wanita adalah peminat sukan lelaki, di mana peminat sukan wanita lebih suka menonton dan memberikan sokongan kepada atlet lelaki berbanding dengan menonton atau memberikan sokongan kepada atlet wanita. Selain itu peluang kerjaya yang terhad serta kurangnya minat pembaca untuk mengambil tahu tentang sukan wanita juga menjadi sebab mengapa liputan dan penerbitan sukan wanita kurang diberikan perhatian oleh media (Miloch et al. 2005). Perbezaan yang ketara dalam penerbitan berita sukan lelaki berbanding sukan wanita juga berlaku dalam media elektronik. Data yang dikumpulkan antara tahun 1989 hingga 2014 oleh Musto et al. (2017) menunjukkan bahawa kuantiti liputan berita sukan wanita dalam media elektronik juga semakin berkurangan di mana ESPN Sports Center hanya memberi 2% liputan berita kepada sukan wanita, manakala lain-lain rangkaian televisyen di Amerika Syarikat hanya memberi 3.2% liputan berita kepada sukan wanita.

PERANAN EDITOR SUKAN SEBAGAI  
PENJAGA GERBANG (*GATEKEEPER*)  
DALAM AKHBAR HARIAN

Berdasarkan dapatan kajian di atas, menerusi analisis data hasil dari analisis dokumen akhbar Kosmo dan Berita Harian sepanjang bulan April 2016 dan temubual dengan dua orang editor sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian menunjukkan bahawa editor sukan akhbar Kosmo telah diberikan kuasa hampir mutlak untuk menguruskan halaman berita sukan tanpa banyak campurtangan oleh pengurusan atasan berbanding dengan kuasa yang diberikan kepada editor sukan Berita Harian. Sebagai contoh editor sukan akhbar Kosmo telah mendapat kelulusan pihak pengurusan atasan akhbar Kosmo bagi mendapatkan sebanyak 10 halaman berita sukan setiap hari dan satu lagi halaman tambahan berita sukan pada setiap hujung minggu. Strategi editor sukan akhbar Kosmo ini telah berjaya membuktikan halaman berita sukan Kosmo menjadi tarikan utama pembaca hingga menjadi akhbar harian nombor satu di Malaysia pada tahun 2015 dengan sirkulasi 187,967 sehari (Hari Isnin hingga Jumaat) (Audit Bureau of Circulation 2015). Sehubungan itu, editor Sukan Kosmo menyatakan bahawa ruangan berita sukan akhbar Kosmo menjadi tarikan kerana ruangan berita sukan tersebut kelihatan lebih moden dari segi susun atur, mempunyai kandungan yang padat dan disokong dan dihiasi dengan gambar-gambar aksi yang

terbaru dan menarik. Setiap berita pula tidak hanya terikat dengan satu gambar malah kadang-kadang memuatkan beberapa gambar dalam bentuk galeri. Pendekatan sebegini dikenali sebagai pendekatan "*Content is King, Picture is Queen*" (Asan 2016) yang menjadi salah satu strategi penerbitan media pada hari ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tugas editor sukan akhbar Kosmo dalam menetapkan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan adalah lebih mudah dibandingkan dengan tugas editor sukan akhbar Berita Harian. Perkara ini berlaku kerana peranan penjaga gerbang dalam akhbar Kosmo tidak dominan atau dalam erti kata editor sukan akhbar Kosmo lebih diberikan kepercayaan oleh pengurusan editorial tertinggi berbanding editor sukan akhbar Berita Harian yang terpaksa menunggu mesyuarat jabatan editorial setiap hari sebelum boleh menentukan berita utama sukan yang akan diterbitkan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan kuasa media sebagai penjaga gerbang masih lagi diamalkan. Namun kuasa tersebut bukan lagi menjadi kuasa mutlak. Sukan dan media saling memerlukan antara satu sama lain, saling meraih populariti dan juga untuk tujuan komersil. Persaingan dengan media baru menyebabkan susun atur dan kandungan berita sukan serta amalan media sukan negara telah mula berubah ke arah amalan media di Amerika Syarikat yang menyiarkan maklumat atau berita sukan berdasarkan kehendak pembaca dan pasaran. Amalan ini menukar peranan tradisional media untuk memenuhi tanggungjawab sosial kepada peranan untuk memenuhi keperluan ekonomi yang menumpukan kepada pasaran, penonton dan pengiklanan. Kedua-dua akhbar Kosmo dan Berita Harian telah bertindak berdasarkan keperluan ekonomi di mana semuanya dilakukan bagi tujuan kelangsungan akhbar itu sendiri. Akibatnya tidak semua jenis sukan akan mendapat tumpuan dan liputan media kecuali sukan-sukan yang memerlukan pendekatan komersil dan media bagi membantu mereka mencapai situasi menang-menang dalam industri sukan. Tumpuan yang lebih akan diberikan oleh media sukan kepada sukan yang bukan dalam kategori sukan teras sekiranya persatuan-persatuan sukan selain sukan teras ini bekerja dengan lebih keras bagi melahirkan atlet cemerlang di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi editor sukan untuk menetapkan kandungan liputan dan penerbitan berita sukan. Antara faktor-faktor yang dikenalpasti



ialah berita sukan yang menarik, gambar berita sukan yang menarik, dan isu-isu semasa yang berkaitan dengan sukan atau ahli sukan yang difikirkan akan menarik perhatian peminat dan pembaca sukan. Oleh itu proses penetapan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan oleh editor sukan merupakan aktiviti mental individu yang mempunyai tujuan yang tersusun serta melibatkan individu tersebut meneliti pemikiran sendiri dan pemikiran orang lain (Ackerman & Thompson 2017). Sehubungan dengan itu, pembaca berita sukan perlu mempunyai kemahiran berfikir berfikir secara kreatif dan kritis bagi menilai liputan kandungan berita sukan yang disajikan kepada mereka lebih-lebih lagi apabila editor sukan menetapkan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan yang berat sebelah dalam akhbar-akhbar harian.

### KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penetapan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan, dan bagaimana editor sukan membuat penetapan tersebut dalam konteks akhbar harian di Malaysia. Kajian kes ini menggunakan analisis kandungan ke atas halaman sukan akhbar Kosmo dan Berita Harian dan temubual bersama dua orang editor sukan di akhbar tersebut sebagai cara pemerolehan data. Dapatan menunjukkan bahawa akhbar harian tempatan mempunyai liputan berita sukan dalam negara yang lebih tinggi berbanding luar negara, liputan berita sukan Kosmo lebih banyak disokong dengan gambar berbanding Berita Harian, liputan kandungan dan penerbitan berita sukan wanita dalam kedua-dua akhbar adalah sangat rendah berbanding berita sukan lelaki, dan editor sukan Kosmo lebih bebas dalam membuat penetapan liputan dan penerbitan berita sukan berbanding editor sukan Berita Harian yang lebih terikat dengan kepentingan perniagaan.

Kajian ini seterusnya menunjukkan bahawa penggiat dan peminat sukan perlu mengamalkan pemikiran kritikal dalam menilai, mengguna dan menyebarkan berita sukan yang diterbitkan dalam akhbar-akhbar harian di Malaysia kerana liputan kandungan dan penerbitan berita sukan dalam akhbar-akhbar tersebut dipengaruhi oleh kepentingan perniagaan dan amalan individu editor sukan di akhbar-akhbar tersebut. Pemikiran kritis ini boleh membantu kepada pembentukan generasi pembaca sukan yang berpengetahuan dan matang dalam menilai, mengguna dan menyebarkan sebarang

maklumat dari sumber-sumber awam. Sebagai contoh pembaca berita sukan yang mempunyai kemahiran berfikir berfikir secara kreatif dan kritis boleh menilai liputan kandungan berita sukan yang disajikan kepada mereka lebih-lebih lagi apabila editor sukan menetapkan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan yang berat sebelah dalam akhbar-akhbar harian yang mereka langgani. Dengan kemahiran kritis ini pembaca berita sukan bukan sahaja berperanan sebagai penerima maklumat yang pasif, namun mampu menyumbang saranan bernas kepada editor sukan dan akhbar-akhbar harian yang mereka langgani bagi mencorakkan masa depan yang lebih cemerlang bagi sukan yang mereka minati. Kajian ini juga mencadangkan agar kajian akan datang dijalankan bagi mengenal pasti penggunaan kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan pembaca berita sukan di pelbagai peringkat pendidikan dalam konteks penilaian, penggunaan, dan penyebaran berita sukan. Selain itu kajian ini juga mencadangkan agar kajian akan datang berkaitan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan dan penetapan liputan kandungan dan penerbitan berita sukan tersebut dijalankan ke atas lebih banyak akhbar dalam pelbagai bahasa serta stesen televisyen tidak berbayar di negara ini. Akhir sekali kajian akan datang boleh dijalankan bagi mengenal pasti perubahan corak penerbitan berita sukan di negara ini dan isu-isu etika penerbitan berita sukan akibat penggunaan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi di zaman industri 4.0 ini.

### RUJUKAN

- Ackerman, R. & Thompson, V. A. 2017. Meta-reasoning: Monitoring and control of thinking and reasoning. *Trends in Cognitive Sciences* 21(8): 607-617.
- Angelini, J.R. 2008. Television sports and athlete sex: Looking at the differences in watching male and female athletes. *Journal of Broadcasting and Electronic Media* 52(1): 16-32.
- Alvarez, A. 2018. Should female athletes sue the networks for equal coverage? *The Guardian*. from <https://www.theguardian.com/sport/2018/apr/14/womens-athletes-lawsuit-equal-coverage-title-ix>. Retrieved January 22, 2019,
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyong. 1999. *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*. Kuala Lumpur FINAS.
- Audit Bureau of Circulations Malaysia. 2015. *ABC Circulation Figures – July to December 2015 (Newspapers – West and East Malaysia States Distribution)* (Rep.). Retrieved January 22, 2019,

- Audit Bureau of Circulations Malaysia. <http://abc.m.org.my/wp-content/reports/2015/jul-15-to-dec-15-newspapers-west-and-east-malaysia-distribution.pdf>.
- Audit Bureau of Circulations Malaysia. 2016. *ABC Circulation Figures – July to December 2016 (Newspapers – West and East Malaysia States Distribution)* (Rep.). Retrieved January 22, 2019, Audit Bureau of Circulations Malaysia. <http://abc.m.org.my/wp-content/reports/2016/abc-circulation-figures-jul-16-to-dec-16-newspapers-states-distribution.pdf>.
- Audit Bureau of Circulations Malaysia. 2018. *ABC Circulation Figures – January to June 2018 (Newspapers – West and East Malaysia States Distribution)* (Rep.). Retrieved January 22, 2019, Audit Bureau of Circulations Malaysia. <http://abc.m.org.my/wp-content/reports/2018/abc-circulation-figures-jan-to-june-2018-newspapers-states-distribution.pdf>.
- Blake, K. 2006. Inverted pyramid story format. *Middle Tennessee State University*.
- Bogard, L. 1982. Newspaper in transition. *The Wilson Quarterly* 6(5): 58-70.
- Boyle, R. 2006. *Sports Journalism Context and Issues*. London: SAGE Publications Ltd.
- Brighton, P. & Foy, D. 2008. *News Values*. Oxon: Routledge.
- Burgoon, J.K. Burgoon, M., & Atkin, C. 1982. The world of the working journalist. Newspaper Readership Project: Michigan State University.
- Boyle, R. & Haynes, R. 2000. *Power Play: Sport, the Media and Popular Culture*. London: Longman.
- Brooks, BS, Pinson, JL & Sissor, JZ. 1997. *The Art of Editing in the Age of Convergence*. Edisi ke-8. Pearson Education Inc.: Boston.
- Chen, Y., Conroy, N. J., & Rubin, V. L. 2015. Misleading online content: Recognizing clickbait as false news. In *Proceedings of the 2015 ACM on Workshop on Multimodal Deception Detection* (pp. 15-19). ACM.
- Choukas, M. 1965. *Propaganda Comes of Age*. Public affairs press.
- Coakley, J. 2005. *Sport in Society: Issues and Controversies* (7th.ed.). Boston: McGraw-Hill.
- Cohen, G. 1993. Media portrayal of the female athlete. In *Women in Sport: Issues and Controversies*, edited by G. Cohen (pp. 171-184). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Cottrell, S. 2017. *Critical Thinking Skills: Effective Analysis, Argument and Reflection*. Macmillan International Higher Education.
- Day, G. S. & Wensley, R. 1988. Assessing advantage: a framework for diagnosing competitive superiority. *Journal of Marketing* 52(2): 1-20.
- Gans, H. 1979. *Deciding What's News*. London: Constable. Soloski 1996.
- Galtung, J. & Ruge, M.H. 1965. The Structure of foreign news: The presentation of the Congo Cuba and Cyprus crises in four Norwegian newspaper. *Journal of Peace Research* 2: 64-91.
- Hadland, A., Lambert, P. & Barnett, C. 2016. The state of news photography 2016.
- Harcup, T. & O'Neill, D. 2001. What is news? Galtung and Ruge revisited. *Journalism Studies* 2(2): 261-280.
- Harding, J. 2018. *Qualitative Data Analysis: From Start to Finish*. SAGE Publications Limited.
- Koivula, N. 1999. Sport Participation: Differences in Motivation and Actual Participation Due to Gender Typing. *Journal of Sport Behavior* 22(3): 360-380.
- Lasswell, H. 1948. *The Structure and Function of Communication in Society*. US: Harper & Row.
- Lasswell, H. D., Lerner, D. & Pool, I. S. 1952. *The Comparative Study of Symbols*. Stanford, CA: Stanford University Press.
- Lewin, K., 1943. Forces behind food habits and methods of change. In *The Problem of Changing Food Habits, Report of the Committee on Food Habits 1941-1943*. Bulletin No. 108, National Research Council, National Academy of Sciences, Washington, DC.
- Lippmann, W. 2006. The Nature of News. In *Journalism the Democratic Craft*, edited by Adam, G.S. & Ckark, R.P.. Oxford: Oxford University Press.
- Mayer, I. 2015. Qualitative research with a focus on qualitative data analysis. *International Journal of Sales, Retailing & Marketing* 4(9): 53-67.
- McCombs, M. E. 1976. Agenda-Setting Research; A Bibliographic Essay.
- McQuail, D. 1987. *Mass Communication Theory: An Introduction*. Sage Publications, Inc.
- McManus, J. H. 1994. *Market-Driven Journalism. Let the Citizen Beware*. California: SAGE Publication.
- Mohd Yahya Mohd Ariffin 2010. PENGGUNAAN berita dan foto daripada agensi berita antarabangsa dalam Utusan Malaysia dan New Straits Times di kejohanan bola sepak piala dunia 2002. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 6(1).
- Miloch, K.S., P.M. Smucker, M.K., & Whisenant, M.W.A. (2005). The current state of women print journalists. An analysis of the stats and careers of females in newspapers sports department. *Public Organization Review* 5(3): 219-232.
- Mustakim Aminuddin. 2010. Peranan media dalam sukan. Seminar Sukan anjuran Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM, Shah Alam.
- Musto, M., Cooky, C. & Messner, M. A. 2017. From Fizzle to Sizzle! Televised Sports News and the Production of Gender-Bland Sexism. *Gender & Society* 31(5): 573-596.
- Niblock, S. 2005. What's News? Practice and Theory. In *Print Journalism the Democratic Craft*, edited by Keeble, R. Oxford: Oxford University Press.
- Neuendorf, K. A. 2016. *The Content Analysis Guidebook*. Sage.

- Rowe, D. 1999. *Sport, Culture, and the Media: The Unholy Trinity*. Buckingham and Philadelphia: Open University Press.
- Sarimah Ismail & Hamed Mohd Adnan. 2011. Profil Ruangan Sukan Dalam Akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian. *Malaysian Journal of Media Studies* 13(2): 75-91.
- Schlesinger P, 1987. *Putting 'Reality' Together*. 2<sup>nd</sup> ed. London: Methuen.
- Sherwood, M., Nicholson, M. & Marjoribanks, T. 2017. Controlling the Message and the Medium? The impact of sports organisations' digital and social channels on media access. *Digital Journalism* 5(5): 513-531.
- Shoemaker, P. J. 2006. News and newsworthiness: A commentary. *Communications* 31(1): 105-111.
- Siebert, F., Peterson, T. B., Peterson, T. & Schramm, W. 1956. *Four Theories of the Press: The Authoritarian, Libertarian, Social Responsibility, and Soviet Communist Concepts of What the Press Should Be and Do*. University of Illinois Press.
- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan & Lee Kuok Tiung. 2013. Pemilihan berita dari perspektif wartawan media cetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 29(2): 51-68.
- Soroka, S., Young, L. & Balmas, M. 2015. Bad news or mad news? Sentiment scoring of negativity, fear, and anger in news content. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science* 659(1): 108-121.
- Stake, R. E. 2005. Qualitative case studies. In N. K. Denzin & Y. S. Lincoln (Eds.). *The Sage Handbook of Qualitative Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Stepp, C. S. 2007. *The Elements of Journalism: What News People Should Know and the Public should Expect*. New York: Three River Press.
- Stovall, James Glen. 2005. *Journalism: Who, What, When, Where, Why and How*. Boston: Pearson Education Inc.
- Schlesinger, P. 1978. *Putting 'reality' together*. BBC news. London: Constable.
- Tuchman, G. 1978. *Making News*. New York: The Free Press.
- Venables, J. 2005. *Making headlines: News Values and Risk Signals in Journalism*. New Jersey: Elm Publications.
- Yi, Y. J., Rahim, M. H. A. & Sannusi, S. N. 2016. Techniques Application on Cultural and Artistic Documentary Production: A Study of Simon Schama's Power of the Art. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 32(2).
- Yin, R. K. 2017. *Case Study Research and Applications: Design and Methods*. Sage publications.

Pekan Ramli  
Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor  
Emel: pekanramli@gmail.com

Tajul Arifin Muhamad  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: tajul.a@ukm.edu.my

Norlena Salamuddin  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: lena@ukm.edu.my

\*Pengarang untuk surat-menyurat, emel:  
pekanramli@gmail.com

Diserahkan: 4 April 2019  
Dinilai: 16 Mei 2019  
Diterima: 3 Julai 2019  
Diterbitkan: 20 September 2019

